

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [SUBANG]**

**TARIKH : 15 DISEMBER 2020 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN WONG CHEN [ SUBANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kemas kini terkini rundingan 1MDB-IPIC dengan Abu Dhabi, termasuk sebarang jumlah dan jadual pembayaran yang dipersetujui, jika ada.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Buat masa ini, Kerajaan sedang meneruskan tindakan undang-undang untuk membatalkan perjanjian penyelesaian antara 1MDB dan IPIC di Mahkamah di London, United Kingdom. Terdapat pelbagai prosiding interlokutori yang telah difailkan sama ada oleh Kerajaan Malaysia atau pihak IPIC/Aabar yang masing-masingnya sedang dicabar oleh pihak bertentangan.

2. Kerajaan sentiasa bersifat terbuka untuk mempertimbangkan apa-apa bentuk penyelesaian sekiranya terdapat tawaran yang sejajar dengan prinsip dan tanggungjawab Kerajaan Malaysia, iaitu untuk memastikan aset-aset negara dipulangkan dan dalam masa yang sama memastikan keadilan dapat ditegakkan.

Sekian, terima kasih.